



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

LAPORAN SIASATAN EAIC KELEMAHAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN KAWALAN PREMIS KITAR SEMULA OLEH JAS JOHOR

***UNTUK SIARAN SEGERA
18 JULAI 2025***

EAIC telah menerima aduan berkaitan dakwaan kegagalan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor mengambil tindakan terhadap sebuah premis kitar semula yang beroperasi tanpa lesen sah di Kawasan Perindustrian Segamat. Siasatan ini dijalankan berdasarkan kepada aduan yang diterima mengikut seksyen 17 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

HASIL SIASATAN

Siasatan mendapati bahawa semua premis yang diadukan memiliki lesen sah untuk beroperasi. Walaubagaimanapun, siasatan telah mengenal pasti beberapa kelemahan dalam pelaksanaan tindakan penguatkuasaan oleh JAS Negeri Johor, meskipun undang-undang dan prosedur sedia ada telah ditetapkan.

Antara kelemahan yang dikenal pasti termasuklah keberkesanan hukuman dalam mencegah kesalahan berulang, ketidakseragaman dalam pelaksanaan garis panduan penguatkuasaan di peringkat negeri dan daerah, serta kelewatan dalam pelaksanaan garis panduan kompaun yang telah dipinda.

Sehubungan itu, EAIC mencadangkan syor penambahbaikan untuk mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan terhadap premis kitar semula, khususnya di Kawasan Perindustrian Segamat seperti berikut:

- (i) meningkatkan kadar hukuman bagi kesalahan berulang;
- (ii) memperjelaskan dan menyeragamkan garis panduan penguatkuasaan di semua peringkat; dan
- (iii) melaksanakan dengan serta-merta garis panduan kompaun yang telah dipinda.

EAIC turut mengesyorkan agar tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas diambil oleh JAS terhadap premis-premis yang melanggar undang-undang alam sekitar. Penekanan harus diberikan kepada kesalahan berulang agar tidak berlaku kelonggaran dalam penguatkuasaan.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**